

25/05/2001

Dr Mahathir tertarik ikan Sabah

SUASANA cemas bertarung ikan besar di laut lepas bukan lagi mimpi, sebaliknya kenyataan kepada 10 pemancing bertuah sempena Pertandingan Memancing Antarabangsa Sabah Kelapan, minggu lalu.

Bagi Gulam Khan, 40, peserta tunggal memperolehi tangkapan seberat 30 kilogram dengan mendaratkan ikan layaran membawa tuah kepadanya apabila merangkul hadiah lumayan yang disediakan penganjur.

Kejayaan Gulam itu melayakkannya menjuarai pertandingan itu, sekali gus merangkul hadiah wang tunai RM5,000, piala serta peralatan memancing yang disediakan Persatuan Pengail Sabah dan Sutera Harbour Resort.

Naib juara disandang Awang Ibrahim, 39, yang mendaratkan ikan jemuduk yang juga dikenali sebagai ikan putih di kalangan pemancing Sabah seberat 19.2 kilogram. Beliau membawa pulang wang tunai RM2,000, piala dan peralatan memancing.

Tempat ketiga dimenangi Chang Sin Chai yang menjinakkan kerapu seberat 18.5 kilogram dan menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala dan peralatan memancing.

Tujuh peserta lain iaitu Nicholas Phin, Liaw En Phin, Esran Manjah, Ng Kui Phin, Leong Soon Kin, Cheong Fook Choi dan Chin Wui Leong, menerima sagu hati setiap satu bernilai RM300 dan peralatan memancing.

Nicholas mendaratkan kerapu 17.1 kilogram; Liaw (ikan putih 15 kilogram); Esran (chinaman 12.9 kilogram) dan Ng (gampa 12.1 kilogram). Leong pula mendaratkan aruan tasik 11.6 kilogram; Cheong (wahoo 10.8 kilogram) dan Chin kerapu seberat 10.4 kilogram.

Pertandingan yang diadakan di sekitar perairan Pulau Mengalum, kira-kira 40 batu nautika dari Sabah itu berjaya menarik 100 pemancing dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Ia dianjurkan Persatuan Pengail Sabah dan Sutera Harbour Resort. Hadiah disampaikan Pengerusi Perbadanan Penggalakan Pelancongan Sabah (STPC), Tengku Datuk Zainal Adlin Tengku Mahmud.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat turut menyaksikan hasil tangkapan peserta pertandingan itu di jeti Marina Sutera Harbour, Kota Kinabalu.

Sementara itu, Gulam berkata beliau mengambil masa hampir satu jam bertarung dengan ikan terbesar pernah dipancingnya setakat ini.

"Dengan menggunakan umpan sotong, saya memperolehi rezeki untuk mendaratkan ikan layaran seberat 30 kilogram itu berhampiran perairan Pulau Mengalum, pada subuh Sabtu (19 Mei).

"Saya hampir gagal menaikkan ikan layaran itu, apabila mendapati ia terlalu degil untuk didaratkan. Mujur tali pancing saya tidak putus," katanya.

Awang pula berkata beliau mengambil masa 30 minit bertarung jemuduk itu sebelum dapat menewaskannya ketika berada di perairan Pulau Mantanani kira-kira jam 2.30 pagi Sabtu lalu.

Beliau yang berpengalaman 25 tahun memancing di laut dalam lega apabila jemuduk itu berjaya didaratkan dengan selamat tanpa menghadapi banyak masalah termasuk tali pancing tidak putus pada tempoh 30 minit.

"Saya menggunakan umpan sotong hidup yang diperolehi dari kawasan sama untuk menjinakkan jemuduk berkenaan," katanya yang berasal dari keluarga nelayan di Sandakan.

Awang berkata, sebelum menyertai pertandingan itu, perairan Pulau Mantanani dikenal pasti kawasan mempunyai banyak ikan besar yang sesuai

dijadikan lokasi memancing.

(END)